



Pulau Carey

menyingkap kehidupan Orang Asli

BAGI yang pertama kali mendengar nama Pulau Carey sudah pasti akan mengangap pulau itu terletak di kepulauan Australia mahupun di sekitar Lautan Hindi.

Namun sebenarnya pulau kecil yang hanya dipisahkan dengan jambatan itu terletak di Selangor atau lebih tepat lagi dalam daerah Klang.

Jika melalui kawasan itu, tidak ramai yang menyangka bahawa kita sudah berada di pulau kerana tidak menaiki sebarang bot atau sampan untuk menyeberang lautan.

Itulah menyebabkan ramai yang tertipu akan namanya walaupun keadaan sebenarnya adalah sebuah pulau.

Mengikut sejarah pulau itu dinamakan

sempena nama Edward Valentine John Carey yang merupakan pengusaha ladang getah di pulau itu sekitar tahun 1905.

Bagi yang ingin berkunjung ke pulau ini pastinya ingin mengetahui apa yang ditawarkan di pulau ini dan cara untuk pergi ke sana.

Pengunjung yang datang dari Lembah Klang boleh menggunakan laluan Lebuhraya Shah Alam (Kesas) ataupun Lebuhraya Persekutuan dan seterusnya melalui jalan kampung Klang-Banting.

Pelbagai perkara menarik boleh dilakukan di pulau itu antaranya berkunjung ke perkampungan Orang Asli Mah Meri yang terkenal dengan kepakaran mengukir kayu.

Pelbagai hasil kraf tangan mereka dapat

disaksikan dan jika berpeluang pengunjung juga boleh mempelajari cara untuk mengukir kayu sendiri.

Hasil kayu itu dinamakan Nyireh Batu yang sangat terkenal dengan kehalusan kerja tangan kaum Orang Asli Mah Meri.

Selain itu, bagi pengunjung yang ingin bersantai sambil bermain golf, sebuah padang golf menanti anda di sana.

Ia bukan sahaja memberikan pemain ketenangan namun padang tersebut memberi sedikit sebanyak cabaran untuk pemain yang baru pertama kali ke lapangan tersebut.

Bagi yang suka makanan laut, Pulau Carey menjanjikan pelbagai makanan laut yang enak terutamanya ketam, udang dan ikan segar yang baru dinaikkan oleh

nelayan.

Mereka yang suka pada sejarah pula, sebuah tinggalan banglo lama semasa ladang getah masih beroperasi dan pelbagai bangunan lama untuk tatapan generasi hari ini. Banglo tersebut merupakan tinggalan pegawai ladang berbangsa Inggeris yang satu ketika pernah mendiami pulau tersebut.

Jika berkunjung ke pulau itu, jangan lupa membawa joran kerana di sini merupakan tempat yang sesuai untuk memancing udang dan ikan.

Tidak perlu pergi jauh untuk bersantai, cukup hanya sehari dua dihabiskan di pulau ini bagi menikmati keindahan alam semula jadi dan lari daripada kesibukan kota.

- AMIRUL



SELAIN keindahan alamnya, Pulau Carey terkenal dengan keunikan hidup Orang Asli Mah Meri yang mahir dalam kerja-kerja pertukangan dan ukiran kayu.

